



REHAT... sebahagian mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan Pengkalan Besar, Tangkak, Muar.



MELIMPAH... paras air naik mendadak di Kampung Teluk Rimba, kelmarin.

# 180 dipindah

METRO 26/11/2006

Banjir melanda beberapa kampung di Muar

>>Laporan dan foto RUDY FAZRUNISYAM SAMARUDIN  
rudy@hmetro.com.my

**M**UAR: Hujan lebat hampir setiap hari sejak seminggu lalu memaksa 180 orang membabitkan 40 keluarga di sekitar Teluk Rimba dan Kampung Paya Kepong, dekat sini, dipindahkan ke pusat pemindahan banjir. Daripada jumlah itu, lebih 100 penduduk daripada 24 keluarga di Kampung Parit Idrus, Parit Dahlan, Parit Timin dan Pengkalan Besar. Selain itu, 15 keluarga di Kampung Teluk Rimba dan

Parit Sialang ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Teluk Rimba. Penghulu Mukim Kundang, Azhar Abdul Majid, berkata kebanyakan penduduk dipindahkan secara berperingkat-peringkat mulai 18 November lalu apabila rumah mereka dinaiki air. Katanya, pemindahan paling ramai berlaku petang kelmarin apabila hujan lebat kira-kira tiga jam menyebabkan lebih banyak rumah di situ dinaiki air. "Lebih ramai penduduk dijangka dipindahkan jika hujan lebat berlaku hampir setiap petang," katanya. Azhar berkata, keperluan asas seperti makanan dan mi-

numan, selimut, tikar dan pakaian disalurkan kepada mangsa di pusat pemindahan oleh pihak berwajib. "Kami kini membuat perediaan kemungkinan lebih ramai mangsa banjir terpaksa dipindahkan ke kedua-dua pusat pemindahan itu," katanya ketika ditemui, semalam. Sementara itu, Ketua Kampung Teluk Rimba, Ismail Long, berkata banjir petang kelmarin berlaku kira-kira setengah jam selepas hujan lebat, menyebabkan lebih 10 keluarga dipindahkan. "Banjir kali ini agak besar hingga menyebabkan penduduk terpaksa dipindahkan buat kali pertama sejak dua tahun lalu. Ini kerana paras

kawasan ini lebih rendah daripada kawasan lain. "Aliran air dari Tangkak dan Jasir tak dapat ditampung oleh Sungai Kesang, menyebabkan air membanjiri kawasan ini," katanya. Azhar berkata, kejadian itu menyebabkan beberapa jambatan kayu roboh dan dihayutkan arus deras. Sementara itu, penduduk, Abdul Karim Mahmud, 43, berkata hujan lebat menyebabkan paras air di Sungai Kesang mencecah ketinggian tiga meter. "Sebaik hujan reda, paras air naik mendadak, menyebabkan beberapa rumah dimasuki air dengan pantas," katanya.




> Abd Karim Penduduk kampung



> Ismail Long Ketua Kampung Teluk Rimba

“Sebaik hujan reda, paras air mula naik mendadak, menyebabkan beberapa rumah dimasuki air dengan pantas,”

Banjir kali ini agak besar hingga menyebabkan penduduk terpaksa dipindahkan buat kali pertama sejak dua tahun lalu”



BERLINDUNG... ahli jawatankuasa banjir Sungai Rambai bertanyakan khabar kepada mangsa banjir di sini, kelmarin.

## >Tumpang rumah orang tua

**J**ASIN: Lapan keluarga dari Sungai Rambai diberi perlindungan sementara di Rumah Orang Tua Tidak Berwaris Nurul Ikhsan, Jalan Parit Penghulu Benteng, dekat sini, sehingga banjir kilat yang melanda kawasan tempat tinggal mereka surut. Mangsa yang berumur di antara tiga bulan dan 72 tahun itu adalah dari Jalan Janda Berhias dan Jalan Haji Abu, Sungai Rambai dan mereka ditempatkan di situ sejak malam Rabu lalu. Mereka diberi perlindungan apabila air naik sehingga 0.75 meter di kawasan berkenaan akibat hujan lebat beberapa jam dan air di kampung berkenaan mengambil masa untuk surut berikutan berdekatan

Sungai Kesang. Penghulu Dewan Undangan Negeri (Dun) Sungai Rambai, Arif Umar, berkata lima keluarga mangsa banjir itu membabitkan seramai 42 orang. Katanya, Jawatankuasa Penyelaras Pembangunan Dewan Undangan Negeri (Japerun) Sungai Rambai membuka bilik gerakan dengan menggunakan Rumah Orang Tua Tidak Berwaris, milik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk memindahkan mangsa banjir, malam Rabu lalu. "Setakat ini empat unit bilik rumah itu digunakan untuk menempatkan mangsa banjir dan bilik gerakan. "Jika keadaan menjadi serius, Sekolah Agama Jabatan

Islam Melaka (Jaim) bersebelahan bilik gerakan ini akan digunakan untuk menempatkan mangsa banjir," katanya. Arif berkata, mangsa banjir diberi bantuan awal oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sungai Rambai, Datuk Abu Pit yang menyumbang sebanyak 18 kampil beras. Katanya, Ahli Parlimen kawasan Jasin, Datuk Mohd Said Yusof, juga menyumbang 43 kampil beras, barang masakan dan air mineral manakala Adun Serkam, Datuk Wira Ahmad Hamzah, menyumbang wang tunai berjumlah RM1,000 selain sumbangan peribadi RM200 kepada dua keluarga mangsa banjir.